



NOTIS AKADEMIK PEJABAT PENGURUSAN AKADEMIK

KEMASKINI MAKLUMAT KEPUTUSAN MUET/ SETARA KEPADA PELAJAR KEMASUKAN SEM I DAN II SESI AKADEMIK 2021/2022 YANG MASIH TIDAK MEMILIKI MUET/ SETARA.

Pelajar kemasukan Sem I dan II Sesi Akademik 2021/2022 yang masih belum memiliki MUET/ Setara sebagai salah satu syarat kemasukan program **dimestikan** menyerahkan salinan keputusan MUET/ Setara selewatnya pada **31 Oktober 2022**. Pada yang gagal berbuat demikian akan berhadapan tindakan **diberhentikan pengajian**.

Pelajar yang menerima tawaran tanpa memiliki keputusan MUET/ Setara sepertimana yang ditetapkan di dalam syarat kemasukan program hendaklah :

- i. Mendapat sekurang-kurangnya MUET **Tahap 2.0 (Band 2.0)/ Setara** bagi pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Sains, Teknologi Maklumat dan Sains Komputer, Pendidikan dan Pengurusan Teknologi*
- ii. Mendapat sekurang-kurangnya MUET **Tahap 1.0 (Band 1.0)/ Setara** bagi pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi.*
- iii. Pelajar perlu mengemukakan keputusan MUET/ Setara kepada fakulti masing-masing **selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pelajar mendaftar di UTHM**. Pelajar yang gagal memperolehi MUET/setara dalam masa yang ditetapkan akan berhadapan dengan tindakan **diberhentikan pengajian**.*

Unit Pengambilan dan Rekod Pelajar
Pejabat Pengurusan Akademik, UTHM
07-4537375/7690/7683/7687/7689

PROSES KERJA PENYERAHAN KEPUTUSAN MUET PELAJAR

